



TAHNIAH Kumpulan Inovatif dan Kreatif AKAR, Perpustakaan Tun Dr. Ismail kerana menerima anugerah Emas semasa Pertandingan Konvensyen KIK Peringkat UiTM, 2016. - m/s 3...

Antara Menarik di Dalam



PRODUK INOVASI 2010 -2016
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 5



BERITA KAMPUS PASIR GUDANG
Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 9



LAWATAN KETUA PUSTAKAWAN
Ke Perpustakaan Tun Dr Ismail

m/s 14

Lawatan Penanda arasan & Aktiviti QE- 5S



7 Mac 2017 - Lawatan dari Maktab Sultan Abu Bakar (English College) melibatkan 5 orang guru dan 32 orang pelajar. Semoga lawatan tersebut memberi manfaat kepada semua. Terima kasih diucapkan kerana sudi berkunjung ke PTDI.



22 Mei 2017 - Lawatan Penanda arasan QE-5S Dari UiTM Kampus Pasir Gudang. Pelaksanaan QE-5S dikongsikan bersama para peserta dan mereka turut dibawa membuat lawatan di setiap zon 5S di PTDI 1 serta PTDI 2. Semoga 5S menjadi budaya di Kampus Pasir Gudang.



25 April 2017 - Lawatan Penanda arasan QE-5S dari Universiti Tun Hussein Onn (UTHM). Lawatan tersebut telah melibatkan 27 orang peserta yang mana objektif lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan dan persijilan amalan persekitaran berkualiti di PTDI.



31 Mei 2016 - Lawatan Penanda arasan QE-5S, Jawatankuasa QE-5S PTDI ke Pejabat Tabung Haji Negeri Johor. Tujuan lawatan untuk mendapatkan ilmu tentang pelaksanaan QE-5S di Tabung Haji dan memberi motivasi kepada ahli jawatankuasa untuk terus memantapkan pelaksanaan QE-5S di jabatan.



31 Oktober 2016 – Gotong-royong Perdana PTDI telah dilaksanakan dengan jayanya pada tarikh tersebut dengan penglibatan dan kerjasama semua staf PTDI. Fokus gotong-royong pada tahun 2016 adalah penanaman pokok-pokok herba dan tumbuhan yang boleh digunakan dalam masakan.